

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HIS 402 Fiqh Al-Mu'āmalāt: Hubungan Sesama Makhluk

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab DUA [2] soalan daripada **Bahagian A** dan SATU [1] soalan daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A

1. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Wahai orang-orang beriman! Sempurnakanlah segala janji” (Al-Qur’ān, surat al-Mā’idah: 1).

Berdasarkan kepada maksud ayat al-Qur’ān ini, anda dikehendaki membincangkan tentang masalah ‘aqad atau kontrak dengan tumpuan diberikan kepada aspek-aspek berikut:

- [a] Kontrak sebagai suatu amanah.
- [b] Syarat-syarat kontrak yang ditetapkan di dalam syari’ah.
- [c] ‘Aqad jual-beli.

.../2

2. Syarikat (*partnership*) adalah salah satu bentuk Mu'āmalāt yang dihalalkan oleh syari'ah. Berdasarkan kepada apa yang telah anda pelajari tentang jenis-jenis syarikat sepertimana yang dihuraikan oleh para *fuqahā'*, bincangkan tiap-tiap satunya dari sudut-sudut berikut:
 - [a] Definisinya.
 - [b] Syarat-syarat sah nya.
 - [c] Contoh-contohnya.
3. Negara Islam mempunyai sumber-sumber pendapatannya yang tertentu: sebahagiannya berdasarkan teks-teks al-Qur'ān dan al-Sunnah, sementara sebahagian lagi berdasarkan Ijmā'c ulamā'. Bincangkan tentang sumber-sumber pendapatan bagi negara Islam daripada sudut-sudut berikut:
 - [a] Cukai dan perbezaannya dengan zakat.
 - [b] *Kharāj* dan ciri-ciri utamanya.
 - [c] Jastifikasi pungutan *jizyah* ke atas orang bukan Muslim yang mendiami *Dār al-Islām*.

BAHAGIAN B

4. Jaminan sosial yang unggul dalam konsep zakat dan sistem kewangan Islam dapat menjamin keharmonian hidup masyarakat. Bincangkan.
5. Terdapat persamaan dan perbezaan tertentu antara sistem percukaian Islam dan moden. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan dua perkara berikut:
 - [a] Cukai zaman kuno dan persamaannya dengan sistem percukaian moden.
 - [b] Reformasi sistem cukai di dalam Islam dan keberkesanannya dalam memenuhi tabung kewangan negara.

- oooOOOooo -